



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Kurikulum Bersepadu Dini Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini

Al-Adab Wa al-Balaghah

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 5



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
Kurikulum Bersepadu Dini Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini

Al-Adab Wa Al-Balaghah

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 5

Bahagian Pendidikan Islam
MAC 2023

Terbitan 2023

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras Bawah & 2, Bangunan Mustapha Kamal, Blok 2251, Jalan Usahawan 1, 63000 Cyberjaya, Selangor.

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan	vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat Mata Pelajaran	2
Objektif Mata Pelajaran.....	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah	2
Fokus Mata Pelajaran.....	4
Kemahiran Abad Ke-21.....	5
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	6
Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran.....	7
Elemen Merentas Kurikulum.....	9
Pentaksiran Bilik Darjah.....	11
Ciri-ciri Pentaksiran Sekolah.....	12
Standard Prestasi	12
Peruntukan Masa.....	14
Organisasi Kandungan	15
Tarikh al-Adab al-Arabi wa Nususuhu.....	17
Al-Balaghah	21
Panel Penggubal.....	24



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara hidup yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha
kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97.]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) sebagai kurikulum kebangsaan telah dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2015. Pelaksanaan KBD melibatkan lima mata pelajaran iaitu Usul al-Din, Al-Syariah, Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah, Al-Adab wa al-Balaghah dan Manahij al-'Ulum al-Islamiah.

Bermula tahun 2023, KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini telah disesuaikan dengan Kurikulum Maahad Bu'uth Al-Azhar selaras dengan pindaan Perjanjian Persefahaman Akademik dan Kebudayaan Antara Kerajaan Malaysia dengan Al-Azhar Al-Syarif, Republik Arab Mesir yang dimeterai pada 6 Jun 2022.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Pendidikan Islam menggubal Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Menerusi penggubalan DSKP ini, guru dapat menterjemahkannya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan memberikan penekanan kepada penguasaan kandungan ilmu dan kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan murid.

Pada masa yang sama, dokumen ini dapat membantu guru untuk mentaksir murid bagi mengenal pasti tahap penguasaan mereka secara berterusan dan membolehkan guru membuat tindakan susulan untuk mempertingkatkan kebolehan murid.

DSKP yang dihasilkan juga mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Penyepadan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani, sahsiah dan intelek seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan DSKP ini. Semoga dokumen ini dapat membantu guru untuk melaksanakan PdP yang lebih berkesan ke arah melahirkan murid yang berilmu pengetahuan dan bertanggungjawab, mengamalkan cara hidup Islam yang sempurna dan mampu memberi sumbangan kepada agama, ummah dan negara.

ABU HANIPAH @ FAUZI BIN ZAHARI
Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia

x

PENDAHULUAN

Kurikulum Bersepadu Dini Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini (KBD MATED) al-Adab Wa al-Balaghah adalah di bawah Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). KSSM KBD al-Adab Wa al-Balaghah digubal dengan tujuan, untuk mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. KSSM KBD ini dilaksanakan di Sekolah-sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) sebagai usaha kerajaan untuk menggalakkan pembelajaran bahasa tambahan, seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. KSSM KBD ini, merupakan mata pelajaran elektif Dini yang ditawarkan di tingkatan 4 dan 5 SABK.

KSSM KBD al-Adab Wa al-Balaghah ini memfokuskan pengetahuan berkaitan sejarah kesusasteraan Arab dan penguasaan ilmu retorik bahasa Arab iaitu *Bayan*, *Ma’ani* dan *Badi’*. Ilmu-ilmu retorik tersebut dinyatakan secara spesifik dalam Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) yang telah ditetapkan. Kebolehan murid menguasai ilmu-ilmu retorik ini, dapat mengukuhkan kemahiran serta kesediaan murid untuk berinteraksi dengan teks Arab yang pelbagai secara penulisan dan pertuturan.

Kurikulum ini juga mengambil kira kepelbagaiannya gaya pembelajaran, minat dan kecerdasan dalam kalangan murid. Bagi mencapai hasrat tersebut, teknik pengajaran guru yang pelbagai sangat digalakkan untuk membantu murid mengalami pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan. Amalan berbahasa Arab sangat penting untuk mencapai hasrat tersebut.

Pentaksiran Bilik Darjah dilaksanakan sepanjang proses pembelajaran murid, bagi mengesan tahap penguasaan mereka dalam topik yang dipelajari. Terdapat enam tahap penguasaan yang telah ditentukan dalam Standard Prestasi (SPi). Pentaksiran tersebut dilaksanakan secara holistik dengan pertimbangan profesional guru terhadap murid. Pentaksiran boleh dilaksanakan oleh guru secara fomartif atau sumatif dengan menggunakan kaedah pentaksiran yang pelbagai, untuk menilai pencapaian murid dalam aspek penguasaan kandungan.

MATLAMAT MATA PELAJARAN

KSSM KBD Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini al-Adab Wa al-Balaghah tingkatan 5 di SABK bermatlamat meningkatkan kemampuan berinteraksi, mengetahui intipati teks-teks bahasa Arab daripada sumber yang berbeza, menghayati keindahan seni kesusastraan bahasa Arab, mengambil iktibar dan menerapkan nilai-nilai murni yang boleh diambil dari kehidupan dan budaya masyarakat Arab ke dalam diri murid-murid di samping meningkatkan kemahiran berbahasa melalui penggunaan gaya bahasa Arab yang pelbagai.

OBJEKTIF MATA PELAJARAN


KSSM KBD Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini al-Adab Wa al-Balaghah tingkatan 5 bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Mengetahui dan memahami sejarah kesusastraan arab serta kesan pengaruh politik, sosial dan intelek terhadap sastera dan tokohnya.
2. Memberi respons kepada sumber-sumber bahasa Arab yang pelbagai dan memahaminya dengan betul secara penulisan dan lisan.

3. Mengetahui seni bahasa Arab melalui ilmu-ilmu retoriknya agar dapat memahami teksnya dengan lebih tepat.
4. Mengaplikasikan kandungan pembelajaran dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan dengan betul.
5. Mengamalkan nilai-nilai Islam yang terdapat dalam kandungan pembelajaran.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

KSSM dibina berdasarkan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka KSSM

FOKUS MATA PELAJARAN

DSKP KSSM KBD Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini al-Adab Wa al-Balaghah ini disesuaikan dengan Kurikulum Maahad Bu'uth Al- Azhar. Kurikulum ini berfokuskan kepada pengetahuan kesusasteraan Arab dan kemahiran ilmu-ilmu retorik bahasa Arab dengan penekanan kepada aspek aplikasi ilmu-ilmu retorik secara total melalui latihan yang disediakan.

PPPM 2013-2025 mensasarkan murid berada pada tahap *independent user* yang mampu menyatakan pandangan dan berinteraksi secara bebas dalam wacana sosial.

DSKP KSSM KBD Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini al-Adab Wa al-Balaghah yang ditawarkan kepada tingkatan 4 dan 5 SABK ini mengandungi dua bahagian iaitu: Tarikh al-Adab al-Arabi Wa Nususuhu dan *Balaghah*.

Tarikh adab memfokuskan sejarah berkaitan kesusasteraan Arab merentasi zaman bermula dari zaman Arab Jahiliah sehingga zaman Arab Moden. Untuk memudahkan murid mempelajari sejarah kesusasteraan Arab tersebut, maka topik-topik berkaitan sejarah kesusasteraan Arab diagihkan mengikut tingkatan yang telah ditentukan seperti Jadual 1.

Jadual 1: Agihan Topik Tarikh Adab KSSM KBD Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini al-Adab Wa al-Balaghah

Tingkatan 4	Zaman Arab Jahiliah, Zaman Awal Islam dan Zaman Umawi
Tingkatan 5	Zaman Abbasi, Zaman Mamluki, Andalus
Tingkatan 6 (STAM)	Zaman Arab Moden

Nusus bermaksud teks kesusasteraan Arab dalam pelbagai bentuk seperti syair dan *nathar* yang merangkumi khutbah, makalah, persuratan dan sebagainya. Teks-teks tersebut dipilih mengikut zaman-zaman yang telah ditetapkan.

Balaghah merujuk kepada ilmu-ilmu retorik bahasa Arab yang berkaitan dengan seni bahasa Arab dari sudut maksud tersirat, kiasan, perumpamaan, struktur binaan ayat dan seumpamanya.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 2 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan SK dan SP dalam DSKP al-Adab Wa al-Balaghah Tingkatan 5, boleh menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 2: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks

PROFIL MURID	PENERANGAN
	dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru.
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mengalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuriri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka memamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif serta menaakul dan strategi berfikir.

Dalam kurikulum, KBAT dinyatakan secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkannya dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran murid secara berstruktur dan berfokus. Jadual 3 menjelaskan empat tahap KBAT.

Jadual 3: Tahap pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Penggunaan pelbagai strategi PdP yang menekankan pembelajaran secara “*learning by doing*” merupakan salah satu usaha dalam transformasi pendidikan. Dalam konteks pembelajaran bahasa khususnya bahasa Arab sebagai bahasa asing dan bahasa tambahan kepada murid di Malaysia,

pendekatan yang menarik dan berkesan harus menjadi perkara utama dalam proses pembelajaran murid di bilik darjah. Justeru strategi pengajaran berpusatkan murid memainkan peranan yang sangat penting. Strategi ini akan menjadikan murid aktif dalam aktiviti pembelajaran di samping guru yang menjadi pembimbing mereka.

Strategi pembelajaran berpusatkan murid merupakan aktiviti yang melibatkan komunikasi dua hala samada di antara guru dan murid mahupun sesama murid di dalam bilik darjah. Melalui strategi ini, aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan lebih berfokus kepada hasil pembelajaran dan pencapaian murid.

Pelbagai aktiviti pengajaran berpusatkan murid boleh dilaksanakan seperti Pembelajaran Berasaskan Inkuiri, Pembelajaran Koperatif, Sumbang Saran, Simulasi, Pembelajaran Berasaskan Projek dan Pembelajaran Luar Bilik Darjah.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Strategi ini merupakan pendekatan pembelajaran yang melibatkan proses penyiasatan, penerokaan dan penemuan untuk mendapatkan maklumat serta pemahaman yang mendalam. Proses ini berasaskan lima fasa: (i) menyoal; (ii) memeriksa atau menyelidik; (iii) mereka cipta; (iv) membincangkan; dan (v)

membuat refleksi. Proses ini dilibatkan secara langsung dalam aktiviti PdP al-Adab Wa al-Balaghah.

Pembelajaran Kooperatif

Strategi ini memerlukan kerjasama murid yang mempunyai pelbagai kebolehan untuk mencapai satu matlamat yang sama dalam bentuk kumpulan. Peranan setiap ahli diperlukan untuk menunjukkan kefahaman mereka melalui agihan tugas yang diberikan. Pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi daripada gerak kerja berkumpulan ini akan mendorong murid untuk saling berkongsi maklumat bagi mencapai objektif pembelajaran. Contoh aktiviti pembelajaran koperatif; *Student Team Achievement Division, Jigsaw, Round Robin, Round Table, Team Game Tournament, Team Accelerated Instruction* dan *Tea Party*.

Sumbang Saran

Tujuan strategi sumbang saran dilakukan adalah untuk menggalakkan pemikiran murid secara imaginasi dan kreatif. Murid digarap untuk memberi sumbangan idea dalam bentuk jawapan, kesimpulan, fakta dan penerangan. Secara amnya, sumbang saran meliputi aktiviti yang sarat dengan idea murid, kepelbagaiannya idea, idea spontan mahupun perkembangan idea dari murid lain. Murid tidak digalakkan untuk mengkritik idea rakan yang lain.

Simulasi

Simulasi boleh dilakukan dengan cuba mewujudkan situasi sebenar bagi sesuatu topik. Simulasi mesti dilakukan dalam keadaan terkawal melalui sosiodrama yang mengandungi skrip dan konflik, mahupun main peranan seperti lakonan spontan.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Objektif utama pelaksanaan projek adalah untuk pemerolehan pengetahuan yang baharu atau penggunaan pengetahuan sedia ada. Penerangan tentang tugas secara terperinci dan berulang kali serta jelas bagi setiap peranan dan tanggungjawab mereka adalah sangat penting untuk mencapai objektif pembelajaran mereka melalui kerja projek ini.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Aktiviti ini merupakan aktiviti sokongan yang mampu menjadikan murid lebih mengingati apa yang telah dipelajari. Selain itu, aktiviti ini juga boleh menghindarkan perasaan bosan murid selama belajar di dalam bilik darjah.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam SK dan SP. Elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.

- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains Dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:

- (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
- (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
- (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti Dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.

- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen TMK dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.

- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran

menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.

- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan sama ada secara formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang

diperoleh dari PS akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang tindak susul ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

PS boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PS, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan DSKP.

Ciri-ciri Pentaksiran Sekolah

PS mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Holistik iaitu mampu memberi maklumat keseluruhan tentang pencapaian pengetahuan dan kemahiran serta pengamalan nilai murni.
2. Berterusan iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan PdP.
3. Fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid.
4. Berasaskan standard kurikulum.

5. Pelaksanaan pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses PdP dan pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, semester atau tahun.

Standard Prestasi

SPi ialah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur berdasarkan standard dan menunjukkan tahap penguasaan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan menegak (Tahap Penguasaan). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih *qualifier* menggunakan perkataan atau rangkai kata yang betul menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran. Standard Prestasi dibina sebagai panduan untuk guru menambah baik PS sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard.

Tahap Penguasaan Umum

Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras perkembangan pembelajaran murid disusun secara hierarki. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran

dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Jadual 4 menunjukkan Pernyataan Tahap Penguasaan Umum KSSM KBD Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini bagi mata pelajaran al-Adab Wa al-Balaghah:

Jadual 4: Tafsiran Tahap Penguasaan Umum KSSM KBD Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini al-Adab Wa al-Balaghah

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui perkara yang berkaitan fakta sejarah sastera Arab dan kaedah ilmu Balaghah dengan minima dan memerlukan bimbingan guru sepenuhnya
2	Memahami perkara yang berkaitan fakta sejarah sastera Arab dan kaedah ilmu Balaghah serta boleh menjelaskannya dengan bimbingan yang minima dari guru
3	Menggunakan pengetahuan berkaitan fakta sejarah sastera Arab dan kaedah ilmu Balaghah untuk melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugasan yang sesuai pada situasi dengan betul
4	Menggunakan pengetahuan berkaitan fakta sejarah sastera Arab dan kaedah ilmu Balaghah untuk melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugasan yang sesuai pada situasi dengan betul serta teratur
5	Menggunakan pengetahuan berkaitan fakta sejarah sastera Arab dan kaedah ilmu Balaghah untuk melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugasan dengan penelitian,

	mengikut tatacara yang betul secara teratur dan tetap
6	Menghasilkan sesuatu idea baharu berdasarkan fakta sastera Arab dan kaedah ilmu Balaghah sedia ada, serta meneliti nilai yang ada di dalamnya mengikut tatacara yang betul secara teratur, tetap dan boleh dicontohi

Tahap Penguasaan Khusus

Tahap penguasaan khusus perlu ditentukan bagi memberi satu nilai tahap penguasaan murid di akhir sesi pembelajaran sesuatu topik yang terdapat dalam kelompok Standard Pembelajaran (SP). Tahap penguasaan khusus ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai di samping domain kognitif, afektif dan psikomotor murid. Guru perlu mentaksir murid melalui pelbagai kaedah secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran secara berterusan. Guru boleh membuat pertimbangan profesional untuk memberi satu nilai tahap penguasaan khusus murid berdasarkan pengalaman guru bersama murid serta melalui perbincangan rakan sejawat. Jadual 5 dan 6 menunjukkan Pernyataan Tahap Penguasaan Khusus KSSM KBD Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini al-Adab Wa al-Balaghah:

Jadual 5: Tafsiran Tahap Penguasaan Khusus KSSM KBD Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini al-Adab Wa al-Balaghah bagi bidang Tarikh al-Adab al-Arabi Wa Nususuhu.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Murid dapat mengingat teks kesusasteraan arab yang dipelajari.
2	Murid dapat menyatakan kandungan sejarah kesusasteraan arab yang dipelajari.
3	Murid dapat menjelaskan bibliografi ringkas sasterawan dan latar belakang teks yang dipelajari.
4	Murid dapat menghuraikan isi kandungan teks sastera yang dipelajari.
5	Murid dapat menganalisis teks sastera yang dipelajari.
6	Murid dapat menghayati nilai murni yang terdapat di dalamnya.

Jadual 6: Tafsiran Tahap Penguasaan Khusus KSSM KBD Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini al-Adab Wa al-Balaghah bagi bidang Balaghah.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui kaedah ilmu Balaghah dengan minima dan memerlukan bimbingan guru sepenuhnya
2	Memahami kaedah ilmu balaghah dan menjelaskannya secara lisan atau penulisan dengan bimbingan guru yang minima.
3	Menggunakan kaedah ilmu Balaghah yang dipelajari untuk melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugas berkaitan dengan betul dan sesuai pada situasi
4	Menggunakan kaedah ilmu Balaghah yang dipelajari untuk melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugas berkaitan dengan betul dan sesuai pada situasi serta teratur.
5	Menggunakan kaedah ilmu Balaghah yang dipelajari untuk berinteraksi dengan teks Arab dan mengkaji nilai di dalamnya mengikut tatacara yang betul, teratur dan tetap
6	Menghasilkan sesuatu idea baru berdasarkan kaedah ilmu mengikut tatacara yang betul, teratur serta tetap dan boleh dicontohi

PERUNTUKAN MASA

Pelaksanaan KSSM KBD Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini al-Adab Wa al-Balaghah adalah mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Kementerian Pendidikan Malaysia semasa yang

berkuatkuasa dengan peruntukan waktu minimum jam setahun adalah 80 jam.

ORGANISASI KANDUNGAN

KSSM KBD Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini al-Adab Wa al-Balaghah merangkumi SK dan SP yang patut dikuasai dan mampu dicapai oleh murid, serta SPi bagi mengukur tahap penguasaan murid. SK dan SP al-Adab Wa al-Balaghah disusun berdasarkan dua bidang yang ditetapkan iaitu:

1. Tarikh al-Adab al-'Arabi Wa Nususuhu
2. al-Balaghah.

Setiap bidang telah ditentukan topik yang perlu dipelajari oleh murid mengikut tingkatan. Jadual 7 dan 8 menunjukkan pembahagian topik bagi setiap bidang dalam DSKP KSSM KBD Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini al-Adab Wa al-Balaghah.

Jadual 7: Pembahagian topik Tarikh Adab KSSM KBD Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini al-Adab Wa al-Balaghah

Tingkatan 4	Zaman Arab Jahiliah, Zaman Awal Islam dan Zaman Umawi
Tingkatan 5	Zaman Abbasi, Zaman Mamluki, Era Andalusia
Tingkatan 6 (STAM)	Zaman Arab Moden

Jadual 8: Pembahagian topik *Balaghah* KSSM KBD Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini al-Adab Wa al-Balaghah

Tingkatan 4	Perkembangan Ilmu Balaghah, <i>Fasohah</i> dan <i>Balaghah</i> , <i>Ilmu Ma'ani</i> , <i>Ahwal al-Isnad al-Khabari</i> , <i>al-Majaz al-'Aqli</i> , <i>Insyak</i> , <i>al-Amar</i> , <i>al-Nahi</i> , <i>Istifham</i> dan <i>al-Tamanni</i>
Tingkatan 5	<i>Al-Ittifat</i> Wa <i>Taghib</i> , <i>al-Qasr</i> , <i>al-Fasl</i> Wa <i>al-Waslu</i> , <i>al-Ijaz</i> Wa <i>al-Itnab</i> , <i>al-Musawah</i> , <i>Ilmu Bayan</i> dan <i>Tashbih</i>
Tingkatan 6 (STAM)	<i>Al-Majaz al-Lughawi</i> , <i>al-Isti'aroh</i> , <i>al-Kinayah</i> , <i>Ilmu Badi'i</i> , <i>al-Tibaq</i> Wa <i>al-Muqobalah</i> , <i>al-Mushakalah</i> , <i>al-Tauriah</i> , <i>al-Mubalaghah</i> , <i>Husnu al-T'alil</i> , <i>al-Madhu</i> Wa <i>al-Zammu</i> , <i>Anwa'u al-Muhassinat</i> <i>al-Lafziah</i> , <i>al-Jinas</i> dan <i>al-Saja'</i>

Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

Standard Kurikulum KBD Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini al-Adab Wa al-Balaghah digubal dengan memberikan penekanan pada SK dan SP yang perlu dikuasai dan boleh dilakukan oleh murid. SK dan SP ini berpaksikan kemahiran bahasa dan sistem bahasa. Standard ini dipersembahkan dalam bentuk modular yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran, nilai murni serta kreativiti dan inovasi yang perlu dikuasai oleh murid. Guru melaksanakan PdP merujuk SK dan SP serta mentaksir perkembangan murid melalui SPi seperti Jadual 5.

Dalam organisasi kandungan, terdapat lajur Catatan. Lajur ini mengandungi cadangan aktiviti dan nota. Guru boleh melaksanakan aktiviti tambahan selain daripada yang dicadangkan mengikut kreativiti dan keperluan untuk mencapai Standard Pembelajaran.

Jadual 5: Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid (<i>indicator of success</i>).

1 تاريخ الأدب العربي ونصوله

الملاحظة	معيار التعلم	معايير المحتوى
<p>تحليل النص المقرر: "خطبة عيد الفطر للخليفة المؤمن":</p> <ul style="list-style-type: none"> - التعريف بالشاعر أو الناشر (اسمه، لقبه/كنيته، مولوده، حياته، وفاته) - مناسبة النص - معاني المفردات: مُعَقِّبًا - مُتَنَفِّل - لتَفَرِيظِكُمْ - وَبَادِرُوا - عَثَرَة - شرح النص <p>النثر المقرر للحفظ :</p> <p>خطبة عيد الفطر للخليفة المؤمن من "إن يومكم هذا يوم عيد...إلى...ولا تحظ قبله توبة"</p> <p>* راجع الملحق</p>	<p>1.1.1 بيان الحياة العلمية في العصر العباسي وتأثيرها في الحياة الأدبية بصورة موجزة.</p> <p>1.1.2 توضيح أغراض الشعر العربي في العصر العباسي بصورة موجزة.</p> <p>1.1.3 تعين أهم خصائص الشعر العربي في العصر العباسي.</p> <p>1.1.4 توضيح أهم خصائص النثر في العصر العباسي بصورة موجزة.</p> <p>1.1.5 تحليل نماذج من النثر في العصر العباسي:</p> <ul style="list-style-type: none"> - خطبة عيد الفطر للخليفة المؤمن <p>1.1.6 حفظ النثر المقرر:</p> <ul style="list-style-type: none"> - خطبة عيد الفطر للخليفة المؤمن <p>1.1.7 تبني القيم النبيلة المستمدة من النصوص</p>	<p>1.1 معرفة تأثير الحياة العلمية في العصر العباسي في النتاج الأدبي معرفة صحيحة وتحليله تحليلاً وافياً وتَبَيَّنَ القيم النبيلة الواردة في النصوص</p>

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
<p>تحليل النص المقرر: " من لامية ابن الوردي في الحكم والمواعظ":</p> <ul style="list-style-type: none"> - التعريف بالشاعر أو الناثر (اسمه، لقبه/كنيته، مولوده، حياته، وفاته) - مناسبة النص - معاني المفردات: وَصَائِيَا - أَكْسَل - احْتَفَلُ - أَرْبَابُه - إِرْغَامُ - شرح النص * راجع الملحق 	<p>بيان الحياة العلمية في العصر المملوكي وتأثيرها في الحياة الأدبية بصورة موجزة.</p> <p>1.2.1 توضيح أغراض الشعر العربي في العصر المملوكي بصورة موجزة.</p> <p>1.2.2 تعين أهم خصائص الشعر العربي في العصر المملوكي.</p> <p>1.2.3 تحليل نماذج من النص الأدبي في العصر المملوكي:</p> <ul style="list-style-type: none"> - من لامية ابن الوردي في الحكم والمواعظ <p>1.2.4 تبني القيم النبيلة المستمدّة من النصوص</p>	<p>1.2 معرفة تأثير الحياة العلمية في العصر المملوكي في النتاج الأدبي معرفة صحيحة وتحليله تحليلاً وافياً وتبنيًّا</p> <p>القيم النبيلة الواردة في النصوص</p>
<p>تحليل النص المقرر: " في رثاء الأندلس لأبي الطيب الرُّنْدِي":</p> <ul style="list-style-type: none"> - التعريف بالشاعر أو الناثر (اسمه، لقبه/كنيته، مولوده، حياته، وفاته) - مناسبة النص - معاني المفردات: يُغَرَّ - دُولُّ - الحَنِيفِيَّة - هَيْمَانُ - نَوَاقِيسُ - شرح النص 	<p>بيان الحياة الاجتماعية في الأندلس وتأثيرها في الحياة الأدبية بصورة موجزة.</p> <p>1.3.1 توضيح أغراض الشعر العربي نافس فيها الأندلسيون المشارقة بصورة موجزة.</p> <p>1.3.2 بيان فنون النثر الأندلسي بصورة موجزة.</p> <p>1.3.3 تحليل نماذج من النص الأدبي الأندلسي:</p> <ul style="list-style-type: none"> - في رثاء الأندلس لأبي الطيب الرُّنْدِي 	<p>1.3 معرفة تأثير الحياة الاجتماعية في الأندلس في النتاج الأدبي معرفة صحيحة وتحليله تحليلاً وافياً وتبنيًّا</p> <p>القيم النبيلة الواردة في النصوص</p>

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
<p>الأبيات المقررة للحفظ :</p> <p>في رثاء الأندلس لأبي الطيب الرندي: "لِكُلِّ شَيْءٍ إِذَا مَا تَمَّ نُقْصَانٌ... إِلَى... فِيهِنَّ إِلَّا نَوَّاقِيْسُ وَصَلَبَانُ" *راجع الملحق</p>	<p>حفظ الأبيات المقررة:</p> <p>1.3.5 - في رثاء الأندلس لأبي الطيب الرندي</p> <p>1.3.6 تبني القيم النبيلة المستمدّة من النصوص</p>	

معايير التقويم للتاريخ الأدب العربي ونصوصه	
الإنجازات	تفاصيل المستويات
1	حفظ نص الشعر والنثر في العصور المدرosaة
2	بيان تاريخ الأدب العربي في العصور المدرosaة
3	توضيح مناسبة النصوص المدرosaة
4	شرح مضمون نصوص الشعر والنثر في العصور المدرosaة
5	تحليل نصوص الشعر والنثر في العصور المدرosaة
6	تبني القيم النبيلة المستمدة من تاريخ الأدب العربي ونصوصه المدرosaة

2 البلاغة

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
	2.1.1 بيان مفهوم القصر لغة واصطلاحا. 2.1.2 بيان أركان القصر مع الإتيان بالأمثلة. 2.1.3 تحديد أقسام القصر باعتبار غرض المتكلم. 2.1.4 تعيين أدوات القصر. 2.1.5 توضيح أغراض القصر البلاغية.	2.1 معرفة أسلوب القصر معرفة صحيحة واستخدامه في السياقات المناسبة وتبني القيم النبيلة الواردة في الدروس
	2.2.1 بيان مفهوم الإيجاز لغة واصطلاحا. 2.2.2 بيان أنواع الإيجاز بصورة الموجزة. 2.2.3 ذكر موقع إيجاز القصر. 2.2.4 بيان مفهوم الإطناب لغة واصطلاحا. 2.2.5 المقارنة بين الحشو والتطويل. 2.2.6 توضيح أنواع الإطناب بصورة الموجزة.	2.2 معرفة أسلوب الإيجاز والإطناب معرفة صحيحة واستخدامه في السياقات المناسبة وتبني القيم النبيلة الواردة في الدروس.
	2.3.1 بيان مفهوم علم البيان لغة واصطلاحا. 2.3.2 ذكر أبواب علم البيان. 2.3.3 بيان مفهوم التشبيه لغة واصطلاحا. 2.3.4 توضيح أركان التشبيه.	2.3 معرفة علم البيان وأحوال التشبيه معرفة صحيحة

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
	<p>بيان أحوال وجه الشبه من حيث الذكر والحذف. بيان أحوال أدوات التشبيه من حيث ذكر الأداة وحذفها. توضيح أغراض التشبيه بالنظر للمشبه بصورة الموجزة.</p>	<p>2.3.5 2.3.6 2.3.7</p>

معايير التقويم للبلاغة		الإنجازات
	تفصيل المستويات	
1	التعرف على القواعد البلاغية تعرفاً صحيحاً مع إرشاد المعلم.	
2	فهم القواعد البلاغية و توضيحها شفهياً أو كتابياً مع الوعي بها.	
3	تطبيق القواعد البلاغية شفهياً أو كتابياً تطبيقاً صحيحاً ومطابقاً لمقتضى الحال.	
4	تطبيق القواعد البلاغية شفهياً أو كتابياً تطبيقاً صحيحاً ومطابقاً لمقتضى الحال ومنظماً.	
5	تطبيق القواعد البلاغية شفهياً أو كتابياً تطبيقاً صحيحاً ومطابقاً لمقتضى الحال ومنظماً ومطرداً.	
6	تطبيق القواعد البلاغية شفهياً أو كتابياً تطبيقاً صحيحاً ومطابقاً لمقتضى الحال ومنظماً ومطرداً ومثالياً.	

ملحق للنصوص الشعرية والثرية

أ- النصوص الشعرية

كلمات المختارة	نص الشعر	الشعر
١) وصايا ٢) حكماً ٣) احتفل ٤) خولٌ ٥) الدرب	<p>أيْ بنيَ اسْمَعْ وصَايَا جَمِعْتُ * حِكْمَةً حُصِّنْتُ بِهَا خَيْرُ الْمَلَكِ^(١)</p> <p>اَطْلَبِ الْعِلْمَ وَلَا تَكُسُلْ فَمَا * أَبْعَدَ الْخَيْرَ عَلَى أَهْلِ الْكَسْلِ^(٢)</p> <p>وَاحْتَفَلْ لِلْفَقِهِ فِي الدِّينِ وَلَا * تَشْتَغِلْ عَنْهُ بِمَالٍ أَوْ خَوْلٍ^(٣)</p> <p>وَاهْجُرِ النَّوْمَ وَحَصِّلْهُ فَمَنْ * يَعْرِفُ الْمَطْلُوبَ يَحْقِرُ مَا بَذَلَ^(٤)</p> <p>لَا تَقْلُ قَدْ ذَهَبَتْ أَرْبَابُهُ * كُلُّ مَنْ سَارَ عَلَى الدَّرْبِ وَصَلَ^(٥)</p>	من لامية ابن الوردي في الحكم والمواعظ
١) يُعرَّ ٢) دُولٌ ٣) الحَنِيفيَّة ٤) هَيْمَانٌ ٥) نَوَاقِيسُ	<p>لِكُلِّ شَيْءٍ إِذَا مَا تَمَّ نُقْصَانُ * فَلَا يُغَرِّ بِطِيبِ الْعِيشِ إِنْسَانٌ^(١)</p> <p>هِيَ الْأُمُورُ كَمَا شَاهَدْتُهَا دُولٌ * مَنْ سَرَّهُ زَمَنُ سَاءَتْهُ أَزْمَانُ^(٢)</p> <p>تَبَكَّى الْحَنِيفَيَّةُ الْبَيْضَاءُ مِنْ أَسْفٍ * كَمَا بَكَى لِفِرَاقِ الْأَلْفِ هَيْمَانٌ^(٣)</p> <p>عَلَى دِيَارِ مِنَ الْإِسْلَامِ خَالِيَّةٍ * قَدْ أَقْفَرَتْ وَلَهَا بِالْكُفْرِ عُمْرَانُ^(٤)</p> <p>حَيْثُ الْمَسَاجِدُ قَدْ صَارَتْ كَنَائِسَ مَا * فِيهِنَّ إِلَّا نَوَاقِيسُ وَصَلْبَانُ^(٥)</p>	في رثاء الأندلس لأبي الطيب الرندي

ب- النصوص النثرية

كلمات المختارة	نص الشعر	النثر
١) مُعَفِّبا ٢) مُتَنَّفِل ٣) لِتَفْرِيظِكُم ٤) وَبَادِرُوا ٥) عَثْرَة	<p>"إِنَّ يَوْمَكُمْ هذَا يوْمٌ عِيدٌ وسُنَّةٌ، وابْتَهَالٍ ورَغْبَةٍ، يوْمٌ خَتَمَ اللَّهُ تَعَالَى بِهِ صِيَامَ شَهْرِ رَمَضَانَ، وَافْتَحَ بِهِ حَجَّ بَيْتِهِ الْحَرَمَ، فَجَعَلَهُ <u>مُعَقَّبًا</u> لِمُفْرَوضِ صِيَامِكُمْ، وَمُتَنَّفِلٍ قِيَامِكُمْ، أَحْلَّ فِيهِ الطَّعَامَ، وَحرَّمَ فِيهِ الصِّيَامَ عَلَيْكُمْ، فَاطْلُبُوا إِلَى اللَّهِ تَعَالَى حَوَائِجَكُمْ، وَاسْتَغْفِرُوهُ لِتَفْرِيظِكُمْ؛ فَإِنَّهُ يُقَالُ: "لَا كُبِيرَةٌ مَعَ اسْتَغْفَارٍ، وَلَا صَغِيرَةٌ مَعَ إِصْرَارٍ"، ثُمَّ التَّكْبِيرُ وَالتَّحْمِيدُ وَذِكْرُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالوَصِيَّةُ بِالْتَّقْوَى، ثُمَّ قَالَ: فَاتَّقُوا اللَّهَ عَبَادُ اللَّهِ، وَبَادِرُوا الْأَمْرَ الَّذِي اعْتَدَلَ فِيهِ يَقِينُكُمْ، وَلَمْ يَحْتَضِرْ الشَّكُّ فِيهِ أَحَدًا مِنْكُمْ، وَهُوَ الْمَوْتُ الْمَكْتُوبُ عَلَيْكُمْ؛ فَإِنَّهُ لَا تُسْتَقَالُ بَعْدُهُ عَثْرَةٌ، وَلَا تُحْظَى قَبْلَهُ تَوْبَةٌ..."</p>	خطبة عيد الفطر للخليفة المأمون

PANEL PENGGUBAL

Ahmad Suhaimi bin Abd Hapis@Romli	Bahagian Pendidikan Islam
Dr. Mat Taib bin Pa	Fakulti Bahasa, Universiti Malaya
Nuruddin bin Seman	SMA Nurul Islam Ayer Hitam, Kedah
Syahrizal bin Ghazali	SM Akademi Islam Darul Aman, Kedah
Siti Halimah binti Sidek	SMA Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur
Muhammad Khairil Hanif bin Ramli	SK Sungai Kertas, Batu Cave, Selangor
Ahmad Syirazi bin Abdullah	SMA Fauzi Yan, Kedah
Mohd Mashkuri bin Miskan	SAMT Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor

PENGHARGAAN

Penasihat

Hassan Nudin bin A.Hamid

- Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
- Timbalan Pengarah
Sektor Kurikulum Pendidikan Islam dan Bahasa Arab

Azizan bin Muhammad

Penasihat Editorial

Wan Abdul Hamiluddin bin Abd Kadir

- Ketua Penolong Pengarah

Muhammad Kamil bin Ali

- Ketua Penolong Pengarah

Zamri bin Abdul Rahim

- Ketua Penolong Pengarah

**BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Aras Bawah dan Dua, Bangunan Mustapha Kamal
No.2251, Jalan Usahawan 1, 63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan